

LAPORAN PROGRAM

IHYA RAMADAN 1447/2026



ISI KANDUNGAN

03	Ringkasan Eksekutif
04	Pengenalan
05	Objektif, Visi dan Misi
06	Pasukan Yayasan WIBA PRIMA
08	Perbandingan Program Ihya' Ramadan
09	Syarikat Kerjasama
10	Laporan Program 2026
33	Apa Kata Mereka?
34	Laporan Kewangan 2026
41	Laporan XPERTS Ramadan Challenge 2026
42	Laporan Media Sosial
43	Kesimpulan

Ringkasan Eksekutif

Tarikh Pelaksanaan

7 Februari 2026 – 14 Mac 2026
(Sepanjang bulan Ramadan 1447H)

20 Lokasi Utama

Di Perak, Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Statistik Utama



Jumlah Kutipan Dana
RM 203,066.01



Individu & Organisasi Dibantu
> 1,500 Penerima



Rakan Kerjasama
20 Organisasi

Sorotan Program Khas



Pelancaran Program Solar ANFAQA di Masjid An-Nasriyah, Sitiawan, Perak



Majlis Perasmian Foodbank di Surau Al-Hidayah, MMU Cyberjaya



Pertambahan 2 Masjid Baharu iaitu Masjid Saidina Abu Bakar, Bangsar & Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati



#XPERTSRamadanChallenge 2026 mendapat sambutan yang baik dengan kenaikan 160% penyertaan berbanding 2025

Penaja Korporat Utama



Jenis Bantuan yang Disalurkan



Pek Makanan Asas



Foodbank



Tajaan Iftar



Duit Raya



Sumbangan Individu

Penutup

Program Ihya' Ramadan 2026 bersamaan 1447H telah berjaya dilaksanakan dengan lancar mengikut perancangan dan bajet yang ditetapkan. Program ini telah memberi manfaat kepada komuniti asnaf dan golongan kurang berkemampuan melalui pelbagai inisiatif kebajikan dan bantuan sepanjang bulan Ramadan.

Yayasan WIBA PRIMA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penyumbang, sukarelawan dan rakan kerjasama atas sokongan serta komitmen yang diberikan dalam menjayakan program ini. Semoga segala usaha dan sumbangan ini mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Allah SWT.

Pengenalan



Laporan tahunan ini bertujuan untuk merekodkan aktiviti Program Ihya' Ramadan yang telah dijalankan oleh pihak Yayasan WIBA PRIMA sepanjang bulan Ramadan tahun 2026. Program Ihya Ramadan adalah program yang dijalankan bagi membantu golongan asnaf dan golongan yang kurang berkemampuan dengan memberikan sumbangan berbentuk wang tunai, foodbank dan sumbangan pek makanan. Yayasan WIBA PRIMA adalah singkatan kepada Yayasan Warisan Ibrahim Bin Abdullah (WIBA) dan Pembangunan Remaja Islam Malaysia (PRIMA).

Yayasan WIBA PRIMA (YWP) adalah sebuah yayasan yang telah ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dengan nombor pendaftaran PPAB 06/2004 pada 21 Disember 2004. Pengasas Yayasan WIBA PRIMA adalah Almarhum Dato' Haji Ibrahim Bin Abdullah dan isterinya, Almarhumah Datin Hajah Fatimah Binti Abu Bakar. Hari ini, usaha Yayasan WIBA PRIMA diteruskan dengan dipengerusikan oleh anaknya, Datuk Dr Hajah Kamilia Binti Dato' Haji Ibrahim.

Objektif, Visi & Misi

Objektif utama Yayasan WIBA PRIMA adalah menganjurkan projek pendidikan dan projek kebajikan bagi masyarakat Malaysia, tidak mengira agama, bangsa, serta keturunan melalui pelbagai pendekatan. Projek yang dijalankan adalah tidak terhad kepada penganjuran seminar, konvensyen serta kursus di pelbagai peringkat termasuk daerah, negeri, dan nasional, tetapi juga meliputi pelbagai projek pembangunan komuniti yang sesuai mengikut keadaan setempat dan keperluan semasa.

Antara program teras Yayasan WIBA PRIMA adalah program Pembangunan Remaja Islam Malaysia (PRIMA) yang memfokuskan kepada anak-anak dari umur 5 tahun sehingga 23 tahun. Selain itu, Yayasan WIBA PRIMA juga sedang giat menjalankan projek komuniti iaitu foodbank di pusat-pusat komuniti dan masjid, Skatebowl Langkawi, penerbitan buku, serta projek Pemuliharaan Khazanah Negara bersama Jabatan Muzium Malaysia.

Visi dan Misi

Visi -----



Menjadi badan bukan kerajaan yang proaktif dalam isu-isu kebajikan dan pendidikan yang melibatkan golongan remaja Muslim.

Misi -----



Mengupayakan tenaga pakar dan sumber kewangan dalam membantu memperkasa golongan remaja dari aspek kebajikan dan pendidikan secara profesional dan progresif, dengan menjalinkan kerjasama dengan setiap pihak berkepentingan untuk menjayakan misi.

Pasukan Yayasan WIBA PRIMA

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH SEMASA (Board of Trustees)



**DATUK DR. HAJAH KAMILIA
BINTI DATO' HAJI IBRAHIM**
Pengerusi Yayasan Wiba Prima



**PROF. DR. HAJAH SITI RUGAYAH
BINTI HAJI TIBEK**
*Profesor Kehormat Institut Islam
Hadhari, UKM &
Ahli Lembaga Pemegang Amanah*



**DATUK WIRA HAJI MOHD FAIZ
BIN HAJI MOKHTAR**
*Ahli Lembaga Pemegang
Amanah*

PENGURUSAN TERTINGGI



**ENCIK AMIRUL ISKANDAR
BIN HAJI MANNAN**
Ketua Pegawai Eksekutif




**DATIN WIRA HAJAH NADIRAH HANIM
BINTI HAJI MANNAN**
*Ketua Pegawai
Transformasi*



**ABDUL MUKMIN
BIN ZULKIFLI**
*Pengurus
(Ketua Unit Dakwah,
Belia dan Komuniti)*

Pasukan Yayasan WIBA PRIMA



**AFRINA AFIQAH
BINTI ZAMRI**

*Eksekutif Pentadbiran &
Sumber Kemanusiaan*



**MUHAMMAD REDHA
BIN ABU SAMAH**

*Eksekutif Kewangan & Pentadbiran
(Ketua Unit Kebudayaan,
Kreativiti & Warisan)*



**NURUL HIKMAH
BINTI MOHD YUSOF**

*Eksekutif Pentadbiran &
Pemasaran Digital
(Ketua Unit Pendidikan)*



**SHAKIRAH BINTI
HASHIM**

*Eksekutif Pentadbiran
(Ketua Unit Alam Sekitar)*



**AISYAH KAMILAH
BINTI KHAIRUL-AZIZIE**

*Eksekutif Pentadbiran
& Multimedia*



**SHAZA SYAHMI BIN
MANSOR**




Praktikal Kewangan



**MUHAMMAD NOOR AIZAD
SHAH BIN ROSEHAIZAD**

Eksekutif Pemasaran Digital

Perbandingan Program Ihya' Ramadan YWP



2021 2022 2023 2024 2025 2026

Syarikat Kerjasama

Program Ihya' Ramadan 2026 ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama beberapa buah syarikat penyumbang dan komuniti luar.

Syarikat Penyumbang



Komuniti Penerima Manfaat:



Golongan asnaf
Flat Sri Aman



Golongan Asnaf
Masjid
Salahuddin



Golongan Anak
Yatim Masjid
Jameul
Hasaniyah

LAPORAN PROGRAM IHYA RAMADAN 1447/2026

Majlis Pelancaran Solar & Serahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid An-Nasriyah, Sitiawan, Perak

Majlis Pelancaran ANFAQA dan Bantuan Pek Ihya Ramadan 2026 anjuran Yayasan WIBA PRIMA telah berjaya dilaksanakan pada 7 Februari 2026 sebagai salah satu inisiatif kebajikan dalam memperkukuhkan agenda bantuan kepada masyarakat serta menyemarakkan semangat Ihya Ramadan dalam kalangan komuniti sasaran. Majlis ini telah dirasmikan oleh tetamu kehormat, YDH Toh Seri Bijaya Letfenan Kolonel Dato' Shaharudin bin Haji Nazari (Bersara), selaku Orang Besar Jajahan Manjung, yang turut memberikan sokongan signifikan terhadap usaha kebajikan yang dilaksanakan. Sepanjang program, pelbagai pengisian telah berlangsung dengan lancar termasuk sesi perasmian, ucapan serta penyampaian simbolik bantuan kepada para penerima manfaat.

Senarai Tetamu Kehormat

- YDH Toh Seri Bijaya Letfenan Kolonel Dato' Shaharudin bin Haji Nazari (Bersara) – Orang Besar Jajahan Manjung

Program ini bertujuan untuk melancarkan pelaksanaan ANFAQA sebagai sebuah platform bantuan yang berstruktur dan berimpak tinggi, di samping menyalurkan Bantuan Pek Ihya Ramadan kepada golongan yang memerlukan. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dengan memberi impak positif melalui penyaluran bantuan yang lebih tersusun, peningkatan kesedaran masyarakat terhadap inisiatif kebajikan serta pengukuhan hubungan strategik antara Yayasan WIBA PRIMA dan rakan kerjasama. Usaha ini diharapkan dapat diteruskan secara berterusan demi kesejahteraan masyarakat.

Majlis Pelancaran Solar & Serahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid An-Nasriyah, Sitiawan, Perak



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Flat Sri Aman, Petaling Jaya



Pada **14 Februari 2026 bersamaan 26 Syaaban 1447H**, telah berlangsungnya Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA di Flat Sri Aman, Petaling Jaya. Terima Kasih diucapkan kepada semua AJK Surau Addiniah Flat Sri Aman, Petaling Jaya kerana bersama-sama membantu menjayakan majlis sumbangan ini. Pihak YWP juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para sukarelawan yang hadir untuk membantu mengagihkan pek sumbangan kepada para penerima. Semoga usaha baik ini mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda di sisi Allah SWT.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Jameatus Solehah, Dengkil

Pada **16 Februari 2026 bersamaan 28 Syaaban 1447H**, telah berlangsungnya Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA di Masjid Jameatus Solehah, Dengkil. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Ahmad Zailan bin Haji Ashaari selaku Nazir Masjid Jameatus Solehah, Dengkil. Program ini turut mendapat sumbangan daripada Promajadi Sdn. Bhd. dan Exarex Sdn. Bhd. melalui penyerahan Pek Ihya Ramadan kepada seramai 100 orang penerima. Majlis ini bertujuan untuk menyampaikan sumbangan Ihya Ramadan 2026 kepada golongan yang memerlukan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada syarikat-syarikat yang terlibat atas sumbangan dan kehadiran dalam menjayakan program ini.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Ar-Rahman Redang
Panjang, Batu Kurau, Perak

Pada **20 Februari 2026 bersamaan 2 Ramadan 1447H**, telah diadakan Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA bertempat di Masjid Ar-Rahman Redang Panjang, Batu Kurau, Perak. Majlis sumbangan ini telah dihadiri oleh Tuan Yusri bin Haji Sitan selaku pengerusi masjid bersama barisan AJK masjid yang lain serta rakan kerjasama, Modkha Marine. Dalam program ini, seramai 100 orang asnaf telah menerima sumbangan Pek Ihya Ramadan sebagai usaha membantu golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan. Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan majlis ini dengan lancar.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Al-Najihin,
Bandar Sri Permaisuri, KL



Pada **21 Februari 2026 bersamaan 3 Ramadan 1447H**, telah berlangsungnya Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA di Masjid Al-Najihin, Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur. Majlis sumbangan ini telah dihadiri oleh YBhg. Al-Fadhil Ustaz Haji Syed Amru bin Syed Abdullah selaku Pengerusi Masjid Al-Najihin bersama barisan AJK masjid serta rakan kerjasama XPERTS. Dalam program ini, seramai 100 orang asnaf telah menerima sumbangan Pek Ihya Ramadan sebagai usaha menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam menjayakan program ini dengan jayanya.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Muadz bin Jabal,
Taman Setiawangsa, KL



Pada **22 Februari 2026 bersamaan 4 Ramadan 1447H**, telah berlangsungnya Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA di Masjid Muadz bin Jabal, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur. Majlis sumbangan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Haji Zakaria Sulong selaku Pengerusi Masjid Muadz bin Jabal bersama barisan AJK masjid. Dalam program ini, seramai 115 orang asnaf telah menerima sumbangan Pek Ihya Ramadan sebagai usaha menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam menjayakan program ini dengan jayanya.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Salahuddin,
Taman Melati, KL

Pada **23 Februari 2026 bersamaan 5 Ramadan 1447H**, telah berlangsungnya Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA di Masjid Salahuddin, Taman Melati, Kuala Lumpur. Program ini diserikan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Amran bin Mat Nor selaku Pengerusi Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, serta kehadiran barisan AJK masjid dan rakan kerjasama, Soluxions XPERTS. Seramai 100 orang asnaf telah menerima sumbangan Pek Ihya Ramadan dalam usaha membantu golongan yang memerlukan sepanjang bulan Ramadan. Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan program ini dengan lancar.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Putra Perdana, Puchong

Pada **25 Februari 2026 bersamaan 7 Ramadan 1447H**, telah diadakan Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA bertempat di Masjid Putra Perdana, Puchong. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Al-Fadil Ustaz Ahmad Wafiq bin Sabri selaku Pengerusi masjid bersama barisan AJK masjid serta rakan kerjasama, NST DATA & PRIMA CELL dan Syarikat GreenXPERTS. Seramai 100 orang asnaf telah menerima sumbangan Pek Ihya Ramadan sebagai usaha menyantuni dan membantu golongan yang memerlukan sepanjang bulan Ramadan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam menjayakan program ini dengan jayanya.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

XPERTS IFTAR 2026 @
Renaissance Hotel, KL



Pada **26 Februari 2026 bersamaan 8 Ramadan 1447H**, telah berlangsung Sumbangan Ihya Ramadan berbentuk wang tunai kepada 25 orang anak-anak asnaf daripada kariah Masjid Salahuddin Al-Ayuubi, Taman Melati. Program ini bertujuan meringankan beban keluarga asnaf serta memberi sokongan persediaan persekolahan anak-anak sempena musim baharu persekolahan dan keberkatan bulan Ramadan.

Sumbangan telah disampaikan oleh Pengerusi Yayasan WIBA PRIMA, Datuk Dr. Kamalia binti Dato' Ibrahim, sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat setempat, khususnya golongan asnaf. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan WIBA PRIMA dalam menyantuni komuniti dan memperkukuh agenda kebajikan sosial secara inklusif.

Yayasan WIBA PRIMA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, serta mendoakan agar sumbangan yang diberikan dapat memberi manfaat berpanjangan dan membawa kegembiraan kepada para penerima.



#WeAreTheXPERTS

in * f @ X d
yayasanwibaprima.org
dakwahkreatif.my

Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang



Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah berjaya dilaksanakan pada **28 Februari 2026 10 Ramadan 1447H** bertempat di SK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Gub Chee Hui, Ahli Majlis BBST Selatan, dengan kerjasama Pengurusan XPERTS dan AXON.



Seramai 56 orang asnaf telah menerima sumbangan melalui sesi penyampaian Pek Ihya Ramadan yang diadakan sebagai usaha menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan. Program ini bertujuan untuk meringankan beban penerima serta mengeratkan hubungan antara pihak penganjur dan komuniti setempat.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Saidina Abu Bakar, Bangsar

Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah berjaya dilaksanakan pada **28 Februari 2026 10 Ramadan 1447H** bertempat di Masjid Saidina Abu Bakar, Bangsar. Program ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Amran bin Mat Nor, Pengerusi Masjid Abu Bakar As-Siddiq, diikuti ucapan aluan oleh YBr. Encik Amirul Iskandar bin Mannan, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan WIBA PRIMA.

Majlis ini telah dijayakan dengan kerjasama Barisan AJK masjid serta Green XPERTS, melibatkan seramai 140 orang asnaf sebagai penerima sumbangan Pek Ihya Ramadan. Sesi penyampaian sumbangan ini dilaksanakan bagi menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak penganjur dan komuniti setempat.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Meranti, Puchong



Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah diadakan pada 3 Mac 2026 bertempat di Masjid Meranti, Puchong, bersamaan 13 Ramadan 1447H. Program ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Al-Fadil Ustaz Muhammad Amar bin Abdul Hamid, Pengurus Masjid Meranti Puchong, dan diteruskan dengan sesi penyampaian sumbangan kepada 100 orang asnaf.

Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Barisan AJK masjid, Skadimo XPERTS dan Pengurusan XPERTS bagi menyalurkan bantuan sempena Ramadan serta mengeratkan hubungan bersama komuniti setempat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Majlis Pelancaran Foodbank & Serahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Surau Al-Hidayah, MMU

Pada **5 Mac 2026 bersamaan 15 Ramadan 1447H**, telah berlangsung Majlis Pelancaran Foodbank & Sumbangan Pek Ihya Ramadan anjuran Yayasan WIBA PRIMA dan XPERTS di Surau Al-Hidayah, Universiti Multimedia, Cyberjaya. Majlis ini merupakan inisiatif kebajikan bagi membantu golongan memerlukan sempena bulan Ramadan, di samping memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara yayasan dan rakan korporat.



Majlis Pelancaran Foodbank & Serahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Surau Al-Hidayah, MMU

Majlis ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Faiz bin Mokhtar selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan WIBA PRIMA, Encik Amirul Iskandar bin Haji Mannan selaku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan WIBA PRIMA, serta barisan pengurusan kanan daripada rakan strategik termasuk Encik Anwaruddin bin Kamaruddin (Pengurus Besar NIP Global Logistics, InfraX dan Ha Megah Technology), Encik Juharie bin Zainul Abidin (Pengurus Besar Skadimo Xperts), Encik Mohd Rahmat bin Muhat Anuar (Pengurus Besar Promajadi dan ExareX), Encik Mohd Fadhli bin Mokhtar (Pengurus Besar TechFarm Xperts), dan Encik Muhammad Fitri bin Nor Isahak (Pengurus Besar Green Xperts). Turut hadir ialah Presiden Universiti Multimedia, Prof. Dato' Dr. Mazliham Mohd Su'ud.



Sebagai simbolik sumbangan, gimik penyerahan cek replika telah dilaksanakan melibatkan antara pihak Xperts.My dan Yayasan WIBA PRIMA. Pihak yayasan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penyumbang dan rakan strategik atas komitmen serta sokongan yang diberikan dalam menjayakan majlis ini.

Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Jameul Hasaniah, Klang



Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah berlangsung pada **6 Mac 2026** bersamaan 16 Ramadan 1447H bertempat di Masjid Jameul Hasaniah, Klang. Program ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Encik Akmal bin Auzai (Nazir Masjid Jamiul Hasaniah), diikuti YBrs. Encik Mohd Amin bin Basiran (Ketua Kampung Batu 3), YBrs. Encik Muhamad Hazim bin Mokhtar (Pengurus Besar Jitrapadu Engineering), serta Pengerusi Majlis Ustaz Mohd Samad (Timbalan Nazir). Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Barisan AJK masjid, Pengurusan XPERTS dan Jitrapadu Engineering, melibatkan seramai 102 orang asnaf sebagai penerima sumbangan. Program ini bertujuan menyalurkan bantuan sempena Ramadan serta mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Al-Iman, Sg Merab

Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah berlangsung pada **7 Mac 2026** bertempat di Masjid Al-Iman, Sg Merab, bersamaan **17 Ramadan 1447H**. Program ini telah diserikan dengan kehadiran YBr. Tuan Haji Mohamed Nor bin Ihwan, Nazir Masjid Al-Iman Desa Putra.



Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Barisan Pengurusan XPERTS dan Green XPERTS, melibatkan seramai 63 orang asnaf sebagai penerima sumbangan Pek Ihya Ramadan. Sesi penyampaian sumbangan ini bertujuan menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan serta mengeratkan hubungan bersama komuniti setempat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam menjayakan program ini.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Raja Haji Fi Sabilillah & Masjid Cyber 10, Cyberjaya

Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah diadakan pada **10 Mac 2026** bertempat di Masjid Raja Haji Fi Sabilillah & Masjid Cyber 10, Cyberjaya, bersamaan **20 Ramadan 1447H**. Program ini telah disertai oleh YBrs. Ustaz Hafizul Hakimi bin Harun (Pengurus dan Imam 1 Masjid Cyberjaya 10) serta YBrs. Ustaz Muhammad Radhi bin Zainuddin (Pengurus dan Imam 1 Masjid Raja Haji Fisabilillah). Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Barisan AJK masjid dan Green XPERTS, melibatkan seramai 76 orang asnaf sebagai penerima sumbangan Pek Ihya Ramadan. Program ini bertujuan menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena Ramadan serta mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati



Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah diadakan pada **10 Mac 2026** bertempat di Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati, bersamaan **20 Ramadan 1447H**. Program ini disertai oleh YBhg. Dato' Haji Wahab bin Idris (Pengerusi Masjid Al-Muttaqin) dan YBhg. Dato' Nik Ahmad Azlan bin Nik Mud @ Nik Mahamood (Pengurus Besar XP Bina), serta kehadiran Pengarah JAWI dan VIP JAWI (TBC). Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Barisan Pengurusan XPERTS dan XP BINA, melibatkan 56 orang asnaf sebagai penerima sumbangan Pek Ihya Ramadan. Program ini bertujuan menyalurkan bantuan sempena Ramadan serta mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat.



Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

SMK Cyberjaya, Cyberjaya



Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah diadakan pada **13 Mac 2026** bertempat di SMK Cyberjaya, Cyberjaya, bersamaan **23 Ramadan 1447H**. Seramai 100 orang asnaf dan anak yatim telah menerima bantuan Duit Raya melalui program ini. Inisiatif ini bertujuan menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena Ramadan di samping mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menayakan program ini.

Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

SK Cyberjaya, Cyberjaya



Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah diadakan pada **13 Mac 2026** bertempat di SK Cyberjaya, Cyberjaya, bersamaan **23 Ramadan 1447H**. Seramai 32 orang asnaf dan anak yatim telah menerima bantuan Duit Raya melalui program ini. Inisiatif ini bertujuan menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena Ramadan serta mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini.

Majlis Penyerahan Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Masjid As-Sobirin, Lembah Keramat



Majlis Sumbangan Pek Ihya Ramadan Yayasan WIBA PRIMA telah diadakan pada 14 Mac 2026 bertempat di Masjid As-Sobirin, Lembah Keramat, bersamaan anggaran 24 Ramadan 1447H. Program ini disertai oleh YBr. Tuan Haji Roslan Affandi bin Abdul Razak, Nazir Masjid As-Sobirin. Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Barisan AJK masjid dan Xair Networks, melibatkan seramai 100 orang asnaf sebagai penerima sumbangan Pek Ihya Ramadan. Program ini bertujuan menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan serta mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini.



Apa Kata Mereka?



“

“Sumbangan pek makanan ini amat membantu kami dalam membuat persiapan Ramadan. Semoga Yayasan WIBA PRIMA terus maju dalam membantu masyarakat yang memerlukan.”

Asnaf, Masjid Saidina Abu Bakar

”



“

“Saya mewakili Masjid al-Muttaqin amat mengalu-alukan kehadiran dan kerjasama daripada Yayasan WIBA PRIMA dalam usaha bersama membantu meringankan beban para penerima sumbangan ihya ramadan, khususnya dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.”

Pengerusi Masjid al-Muttaqin

”



“

“Pihak SMK Cyberjaya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan WIBA PRIMA atas sumbangan tunai Ihya Ramadan yang diberikan kepada para pelajar kami. Bantuan ini amat bermakna dalam membantu meringankan beban keluarga pelajar serta memberi semangat kepada mereka untuk menjalani ibadah Ramadan dan membuat persiapan Aidilfitri dengan lebih tenang dan ceria.”

Pengetua SMK Cyberjaya

”



“

“Pihak Masjid Jamiul Hasaniah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yayasan WIBA PRIMA bersama XPERTS atas kerjasama dalam menjayakan program sumbangan ini bagi tahun kedua. Inisiatif yang dilaksanakan ini amat bermakna dalam membantu masyarakat setempat.”

Pengerusi Masjid Jamiul Hasaniah

”

LAPORAN KEWANGAN

IHYA RAMADAN 1447/2026

Pecahan Agihan Sumbangan

JUMLAH SUMBANGAN
RM 203,066.01



IMPAK PROGRAM



>1500 Asnaf
terima bantuan



150 anak-anak
terima sumbangan
duit raya



10 lokasi masjid, tahfiz
& organisasi terima
sumbangan iftar

Kutipan Dana

Penyumbang

Jumlah (RM)

Wakalah Zakat	148,543.94
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	10,000.00
General Donation	721.72
Masjid Muadz Bin Jabal	1900.35
Yayasan Tan Sri SM Nasimuddin (NAZA)	10,000.00
PRIMA CELL Sdn Bhd	1500.00
NST DATACARA Sdn Bhd	1500.00
Promajadi Sdn Bhd / EXAREX Sdn Bhd	3900.00
Jitrapadu Engineering Sdn Bhd	10,000.00
Skadimo XPERTS Sdn Bhd	3000.00
XP Bina	1000.00
XAIR NETWORK	5000.00
HA MEGAH	1000.00
NIP	1000.00
Infra X	3000.00
Green Xperts	1000.00
JUMLAH	203,066.01

Keseluruhan Perbelanjaan Sumbangan

Perkara	Jumlah (RM)
Pek Ihya Ramadan	156,419.52
Sumbangan kepada surau & Tajaan Iftar Agensi Luar	21,450.00
Sumbangan Duit Raya	18,900.00
Foodbank	469.29
Ramadan Challenge	1400.00

Perbelanjaan Operasi

Perkara	Jumlah (RM)
Token Penghargaan & Volunteer Allowance	2,821.00
Kos Pencetakan Ihya Ramadan	936.20
Kos Pengangkutan	170.00
Lain2 Perbelanjaan	500.00
JUMLAH	203,066.01

Perbelanjaan Sumbangan

Sumbangan Pek Ihya' Ramadan

Jumlah (RM)

Masjid Al Nasriyah	4,989.58
Flat Sri Aman	11,909.40
Masjid Jameatul Solehah	9,923.40
Masjid Al- Rahman	9,923.40
Masjid Taman Putra Perdana	9,923.40
Masjid Sri Menanti	9,923.40
Masjid Abu Bakar Al Siddiq	13,893.20
Sk Bandar Baru Salak Tinggi	5,556.84
Masjid Al Iman	6,251.17
Surau Al Hidayah, MMU	9,625.83
Masjid Jameul Hasaniyah	10,220.97
Masjid Al Muttaqin	5,556.84
Masjid Raja Haji Fi Sabilillah	9,923.40
Masjid Al Sobirin	7,540.640
Masjid Al Najihin	9,923.40
Masjid Salahuddin Al Ayubi	9,923.40
Masjid Muadz Bin Jabal	11,411.25
JUMLAH	156,419.52

Perbelanjaan Sumbangan

Ihya Ramadan (Surau/Agensi/Iftar)	Jumlah (RM)
Musolla RPBBM	1000.00
PIBG SK Siput Utara	500.00
Yayasan Orang Buta	300.00
Modkha Marine	1950.00
Pertubuhan Kebajikan Cahaya Ain	500.00
Rumah Jalinan Kasih	1800.00
PIBG SMK Bukit Bandaraya	500.00
PEKENANG	3000.00
Surau Ibadurrahman	5000.00
Surau Kariah Mungka	500.00
Surau Desa Cempaka	500.00
Surau Al Firdaus	500.00
Surau Al Ikhwan	500.00
Yayasan Al Hassan	500.00
Surau Al rayyan	500.00
Maahad tahfiz Al Quran Wal Qiraat Addin	900.00

Perbelanjaan Sumbangan

Ihya Ramadan (Surau/Agensi/Iftar)

Jumlah (RM)

Masjid Al Sobirin	500.00
Surau MMU Melaka	500.00
Majlis Dakwah Negara, Datum Jelatek	500.00
Masjid Al Qahhar	500.00
Surau Al Nur	500.00
Masjid Abu Ubaidah	500.00
JUMLAH	21,450.00

Sumbangan Duit Raya

Jumlah (RM)

Golongan Asnaf Masjid Salahuddin	3000.00
Golongan Anak Yatim Masjid Jameul Hasaniyah	2,700.00
Sumbangan Duit Raya kepada SK & SMK Cyberjaya	13,200.00
JUMLAH	18,900.00

Foodbank & Kos Pengangkutan

Jumlah (RM)

Almari	429.29
Sticker & PVC Board	40.00
Petrol/Diesel	170.00
JUMLAH	639.29

LAPORAN

#XPERTS RAMADAN CHALLENGE 2026

Kerjasama:



&



• XPERTS • RECREATIONAL • ENTERTAINMENT • SPIRITUAL •

19 Februari 2026 – 15 Mac 2026

Program #XPERTSRamadanChallenge 2026 telah dilaksanakan sebagai inisiatif pengimarahannya bulan Ramadan melalui penglibatan warga kerja #WeAreTheXPERTS dengan kerjasama antara Yayasan WIBA PRIMA, XREST & syarikat XPERTS dalam aktiviti kerohanian dan pembudayaan Al-Quran. Program ini berlangsung sepanjang tempoh Ramadan dengan pengisian utama merangkumi cabaran pengumpulan markah melalui *Score Card*, hafazan surah terpilih serta penyertaan dalam aktiviti Khatam Al-Quran secara berkelompok antara syarikat di bawah XPERTS.

HIGHLIGHT PROGRAM



XPERTS
Khatam Quran



Hafazan Surah
Al-A'laa



Agihan Bubur
Lambuk

Jumlah Peserta



26

↑↑↑ 160%
(vs 2025)

Syarikat Terlibat



20

↑↑↑ 100%
(vs 2025)

Jumlah Pemenang




10

↑↑↑ 67%
(vs 2025)

PEMENANG

#XPERTSRAMADANCHALLENGE 2026



Kategori Lelaki



Kategori Wanita


#WeAreTheXPERTS

in * f @ X d
yayasanwibaprima.org
dakwahkreatif.my

LAPORAN MEDIA SOSIAL

IHYA RAMADAN 1447/2026

Jumlah Tontonan



46K

Pertambahan Pengikut



500+

Lawatan Profil

VISIT US



3K

Kandungan Terbaik



Majlis Perasmian Solar ANFAQA



XPERTS SCHOLAR



Kuliah 3 Minit

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Program Ihya' Ramadan 2026 yang dilaksanakan oleh Yayasan WIBA PRIMA pada sepanjang bulan Ramadan 2026 telah selesai dijalankan mengikut masa dan kos seperti dalam perancangan dan penyelarasan yang sepatutnya. Program ini telah memberi manfaat kepada golongan asnaf dan golongan miskin yang kurang berkemampuan.

Melalui program ini, sejumlah **RM 203,066.01** telah disumbangkan. Jumlah individu yang menerima manfaat adalah seramai **1,267** orang manakala jumlah organisasi yang menerima manfaat pula adalah sebanyak 22 buah organisasi. Setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menayakan program Ihya' Ramadan 2026 ini.

Sumbangan ikhlas boleh dibuat melalui:



5648 1000 3707
Sumbangan YWP

Kami menjemput anda untuk bersama-sama YWP dalam memperluaskan impak:



Berkolaborasi Dengan Kami

NGO, syarikat korporat dan agensi kerajaan, Kami bersedia untuk bekerjasama



Sertai sebagai sukarelawan

Sertai gerakan kami sebagai pendidik, fasilitator program atau duta komuniti



Jom menderma

Sokong program kami dan ubah kehidupan mereka yang memerlukan

Setiap sumbangan anda adalah pelaburan kepada masa depan generasi akan datang.






TERIMA KASIH

LAPORAN PROGRAM

IHYA RAMADAN 1447/2026



HUBUNGI KAMI

-  011 3241 4716
-  yayasanwibaprima@gmail.com
-  B1-1, Block B, Jalan Radius 1/1B,
Radius Business Park,
63000 Cyberjaya, Selangor

IKUTI KAMI



#WeAreTheXPERTS

in * f @ X d
yayasanwibaprima.org
dakwahkreatif.my